

Mutiara anjur perhimpunan bulanan kukuhkan kelab

SA 25/03/08 pg. T13

■ ROSHLAWATY RAEIH

KUALA TERENGGANU – Setiap bulan, Kelab Wanita Universiti Malaysia Terengganu (Mutiara) mengadakan perhimpunan bulanan bagi memperkukuhkan lagi kelab berkenaan.

Pengerusinya, Laili Che Rose berkata, perhimpunan tersebut bertujuan membincangkan kepelbagaian program yang diadakan selain mengeratkan hubungan silaturahim sesama anggota.

"Selain berbincang, kita turut menyediakan hidangan untuk semua anggota supaya mereka dapat menikmati perhimpunan tersebut dalam suasana lebih selesa," katanya.

Katanya lagi, pada perhimpunan bulanan kali ini, Mutiara membuat kejutan untuk beliau apabila mereka mengadakan sambutan hari jadi di kelab Mutiara.

"Sambutan ini sungguh bermakna dan kini usia saya sudah pun menginjak 41 tahun. Oleh itu, saya bertekad akan memperjuangkan Mutiara sehingga ia menjadi kelab yang dikenali ramai suatu hari nanti," katanya.

Katanya, sehingga kini Mutiara mempunyai bilangan keanggotaan seramai 175 orang.

"Setiap anggota memainkan peranan

Perhimpunan tersebut bertujuan membincangkan kepelbagaian program yang diadakan selain mengeratkan hubungan silaturahim sesama anggota.



Laili (lima dari kanan) bersama anggota Mutiara yang menyambut hari jadinya di hadapan Cafe Anjung Selera Mutiara.

masing-masing tidak kira dalam penganjuran program yang akan dilaksanakan Mutiara atau biro mereka sendiri.

"Sebagai contoh, dalam masa terdekat ini

kita akan mengadakan lawatan ke rumah warga emas, sambutan Hari Keluarga, pertandingan bola jaring dan sebagainya," ujarnya lagi.